

# **KAJIAN SIKAP MINDA DI KAWASAN PARLIMEN JELI KELANTAN**



**Oleh**

**Dato' Prof Madya Dr Hussin @ Mohamad Ab Rahman  
Tn Hj Muhammad Shukri Salleh  
Prof Madya Zulkarnain Yusoff  
Nik Rozhan Nik Ismail  
Mohd Zahari Yusoff  
Abu Sufian Ab Ghani**

**Tenaga Penggerak BTN Kelantan  
dan  
Kelab Pendokong Kerajaan Pusat  
UiTM Machang**

**Disember 2003**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayahnya dapat laksanakan penyelidikan ini dengan jayanya.

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga terutama kepada Y. Bhg. Dato' Mustapa Bin Muhamad di atas sokongan dan dorongan beliau maka projek ini dilaksanakan. Terima kasih juga kami tujukan kepada Pengarah Biro Tata Negara (BTN) Negeri Kelantan En Yasim Mat Saat serta pegawai-pegawaiannya yang sama-sama terlibat di dalam program ini. Sesungguhnya pembiayaan dari pihak BTN amat besar bagi kami dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Machang terutama kepada Dato' Pengarah yang cukup prihatin dengan program seumpama ini. Juga kepada semua pelajar yang terlibat dan semua individu yang menjadi responden kajian ini.

Kepada semua kami doakan semoga Allah akan membala budi dan jasa mereka semua. Sekian, terima kasih.

**Penyelidik**

**Kelab Pendokong Dasar Kerajaan Pusat dan Tenaga Penggerak Biro Tatanegara**

**Universiti Teknologi MARA**

**Kampus Machang Kelantan**

**Disember 2003**

## **PENGENALAN**

Projek penyelidikan ini adalah merupakan satu program bersama yang melibatkan BTN Negeri Kelantan, UMNO Bahagian Jeli dan UiTM Machang. Kawasan Parlimen Jeli adalah merupakan satu kawasan yang strategik dan membangun kerana kedudukannya yang berhampiran dengan negara Thailand. Ia juga menjadi pusat kegiatan ekonomi di samping lokasinya yang terletak di laluan utama lebuhraya timur-barat. Kawasan Parlimen Jeli juga merupakan kawasan Dato' Mustapha Bin Muhamad iaitu Pengerusi Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan beliau juga adalah Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Oleh itu kajian ini dilaksanakan bagi mencapai beberapa objektif utama.

### **A)     OBJEKTIF**

Antara objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah :-

- i)     Untuk melihat bagaimana bentuk dan fahaman masyarakat di kawasan Parlimen Jeli dari sudut pemikiran politik.
  
- ii)    Untuk mendapatkan maklumbalas masyarakat dari aspek program pembangunan sosio-ekonomi setempat.

- iii) Untuk melihat keberkesanan dan kelemahan jika ada berkaitan dengan pembangunan dan kepimpinan dalam program pembangunan komuniti kawasan Jeli.

**B) SKOP KAJIAN**

- i) Projek penyelidikan ini dilaksanakan di kawasan Parlimen Jeli dengan tumpuan khusus terhadap dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) sahaja. Kawasan DUN yang terlibat dengan projek kajian ini ialah DUN Air Lanas dan DUN Kuala Balah.
- ii) Fokus utama penyelidikan ini adalah terhadap pemikiran politik, tinjauan dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat setempat. Namun demikian penekanan adalah lebih kepada bidang politik dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

## **C) METODOLOGI KAJIAN**

### **i) PERSAMPELAN**

Kajian ini dibuat berasaskan '*Judgemental Sampling*' yang bermaksud pemilihan sampel adalah berasaskan kepada pengadilan atau pengetahuan penyelidik setelah merujuk kepada pihak yang lebih arif di kawasan sampel kajian tinggal. Disini, penyelidik telah menghubungi wakil atau pemimpin penduduk tempatan untuk mendapatkan maklumat, pandangan serta nasihat berkenaan dengan pemilihan sampel kajian kerana mereka lebih arif tentang masyarakat setempat. Maklumat terhadap sampel yang tepat akan dapat membantu kajian ini mencapai objektifnya.

Hasil daripada perbincangan antara penyelidik dengan wakil penduduk atau pemimpin masyarakat tempatan telah dicapai di mana pemilihan sampel untuk kajian ini perlu dibuat berasaskan kepada beberapa kriteria atau keperluan-keperluan tertentu seperti lokasi, latarbelakang responden, maklumat politik, taraf hidup, latarbelakang keluarga dan kerjaya responden kajian.